

Bil. S 20

**AKTA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 50)**

PERATURAN-PERATURAN POLIS (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 64 dari Akta Pasukan Polis Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Polis (Pindaan), 2000. Gelaran.

2. Peraturan-Peraturan Polis, 1958, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan peraturan 66A baru yang berikut sejurus selepas peraturan 66 — Pemasukan peraturan 66A baru.

"Bayaran bagi salinan-salinan dokumen. 66A. Bayaran bagi salinan-salinan dokumen awam yang disimpan oleh seseorang pegawai polis yang mana-mana orang mempunyai hak untuk memeriksanya, tertakluk kepada persetujuan yang diperolehi, adalah pada kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual 'G'."

3. Peraturan 68 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong perenggan (1) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut — Pindaan peraturan 68.

"Bayaran untuk tujuan persendirian termasuk perkhidmatan mengiringi bulion. (1) Bayaran bagi mengguna khidmat anggota-anggota Pasukan untuk tujuan persendirian termasuk perkhidmatan mengiringi bulion adalah pada kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual 'H'."

4. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan menambah dua Jadual 'G' dan 'H' baru yang berikut — Tambahan Jadual-Jadual 'G' dan 'H' baru.

**"JADUAL 'G'
(Peraturan 66A)**

KADAR BAYARAN BAGI SALINAN-SALINAN DOKUMEN

Laporan Maklumat Pertama (Borang Polis 33)	\$5.00 satu salinan
Pernyataan Saksi (Borang Polis 22)	\$2.00 satu salinan
Rajah Kasar, salinan bersih dan kuncinya	\$5.00 satu set
Laporan Pemeriksa Kenderaan	\$2.00 satu salinan
Gambar saiz 3R	\$1.00 satu salinan
Laporan Perubatan	\$2.00 satu salinan
Dokumen-dokumen atau surat menyurat lain	\$2.00 satu salinan

**JADUAL 'H'
(Peraturan 68(1A))**

**BAYARAN UNTUK TUJUAN PERSENDIRIAN DAN PERKHIDMATAN
MENGIRINGI BULION**

PANGKAT	SELAMA TIDAK LEBIH DARI 2 JAM
Penguasa hingga Penguasa Kanan	\$80.00
Penolong Penguasa hingga Timbalan Penguasa	\$60.00
Inspektor Percubaan hingga Ketua Inspektor	\$50.00
Sarjan hingga Sarjan Major	\$35.00
Lans Koperai hingga Koperai	\$25.00
Konstabel	\$20.00."

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1420
bersamaan dengan 8 haribulan Mac, 2000.

DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN
HAJI AWANG ABDULLAH
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.